



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

No. Tel. : 03-8000 8000
No. Faks : 03-8889 5542
Email: anisham@moh.gov.my

KKM.600-29/4/146 Jld.2 (46)
21 Mac 2020

Pengarah
MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd
Blok A, Level 17, Menara Mustapha Kamal
PJ Trade Centre
No 8, Jalan PJU 8/8A
Bandar Damansara Perdana
47820 Petaling Jaya, Selangor

Tuan/Puan,

**PERMOHONAN MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PERLU SEMASA
TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

Merujuk kepada permohonan tuan/puan, Jawatankuasa Permohonan Pengecualian Industri telah meneliti dan menyemak dokumen yang dikemukakan. Didapati permohonan tersebut memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa ini.

Sehubungan itu, saya **bersetuju** untuk memberi kelulusan kepada premis tuan / puan dibuka bagi menyediakan perkhidmatan perlu semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan sehingga 31 Mac 2020, sebagaimana yang diperuntukan di bawah Peraturan (5) Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah di dalam Kawasan Jangkitan Tempatan) 2020. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti di **Lampiran A**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)

LAMPIRAN A

SYARAT-SYARAT KELULUSAN PENGECEUALIAN PENGOPERASIAN INDUSTRI

1. Disokong berdasarkan aktiviti seperti berikut:
 - i. Operasi Tunnel Boring Machine (TBM) sahaja;
 - ii. Pemasangan lapisan konkrit kekal di dalam terowong; dan
 - iii. Pemasangan "span" panjang menggunakan kaedah "stitching form two end".
2. Syarikat diminta untuk mengemukakan senarai nama pekerja yang dibenarkan untuk bekerja kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

(DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh : 21 Mac 2020